

Jenis Akhbar : *Mingguan Malaysia*

Tarikh : *30/12/2018*

Edisi / Muka Surat : *Nasional / 9*

Tajuk : *Pembunuh Muhammad Adib mesti segera ditangkap*

Pembunuh Muhammad Adib mesti segera ditangkap

KUALA KEDAH 29 Dis. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap dengan cara apa sekali pun pihak yang bertanggungjawab mengakibatkan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim, 24, perlu segera ditangkap.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, semua pihak khususnya keluarga dan rakan-rakan Muhammad Adib sangat berharap pembelaan terhadap kematian anggota bomba itu dapat ditegakkan.

Katanya, meskipun situasi kes itu dilihat rumit, namun beliau yakin dan percaya pihak berkuasa akan dapat menjejaki pembunuhnya dalam tempoh terdekat.

“Kita kena segera buru pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kematian Muhammad Adib ini. Dengan cara apa sekali pun, pembunuh ini mesti ditangkap,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat keluarga Allahyarham di Kampung Tebengau Tepi Laut, Kuala Kedah di sini hari ini.

Dalam kunjungan tersebut, Abdul Fattah turut memberi sumbangan berupa wang tunai sebanyak RM10,000 dan barangan keperluan harian kepada keluarga anggota bomba tersebut.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Mohd. Kassim Abdul Hamid, bapa kepada Allahyarham Muhammad Adib di Kampung Tebengau Tepi Laut, Kuala Kedah, Kedah, semalam.

Khamis lalu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengeluarkan kenyataan bahawa majistret akan diarah melakukan satu inkuis bagi menentukan sebab kematian wira negara tersebut.

Muhyiddin dilaporkan berkata, perkara berkenaan dimaklumkan sendiri Peguam

Negara Tommy Thomas kepadanya melalui perbincangan yang diadakan selepas penemuan dapatan tertentu pihak polis melalui rakaman percakapan saksi, lakonan semula dan hasil bedah siasat pihak forensik patalogi yang hanya boleh didedahkan di mahkamah kelak.